

KURSUS ASAS SIRI 1/2021
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PERAK

APA ITU KURSUS RAKYAT?

Kursus Rakyat anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Ng Perak merupakan satu kursus yang dirangka untuk meningkatkan mutu pembangunan modal insan kepada golongan sasaran iaitu penternak dan bakal penternak. Kursus ini akan dianjurkan secara online menggunakan applikasi Zoom.

SIAPA YANG LAYAK MEMOHON

- 1. Warganegara Malaysia (keutamaan diberikan kepada warga Negeri Perak)**
- 2. Berumur 18 tahun dan ke atas**
- 3. Mempunyai talian internet yang kukuh**
- 4. Mempunyai applikasi Zoom Meeting di peranti masing-masing**

BAGAIMANA CARA UNTUK SAYA MEMOHON

Borang boleh didapati dengan mengimbas QR kod yang disertakan di dalam poster hebahan kursus. Poster akan dihebahkan di laman web JPV Perak, FB JPV atau cara yang difikirkan sesuai pada hari permohonan sesuatu kursus itu dibuka.

Permohonan yang berjaya akan dihubungi oleh pihak Jabatan.

Untuk pertanyaan yang lebih lanjut sila hubungi Unit Latihan &Pembangunan Sumber Manusia di talian :

05-5459111 atau email kepada unitlatihanjpvperak@gmail.com

1. KURSUS ASAS PENTERNAKAN KAMBING / BEBIRI

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA : 15/02/2021

TARIKH PERMOHONAN DITUTUP : 17/02/2021

SINOPSIS :

Kursus asas penternakan kambing/Bebiri dijalankan secara umum meliputi tajuk-tajuk utama iaitu pengurusan ternakan, kesihatan, dan pemakanan. Kursus yang dijalankan secara teori ini akan memberi kefahaman kepada peserta terhadap kaedah menguruskan kambing/bebiri secara asas.

OBJEKTIF :

1. Untuk memberi pendedahan tentang aspek pemeliharaan kambing dan keperluan secara teknikal sebelum memulakan projek.
2. Memberi pendedahan berkenaan senario ternakan kambing masa kini dan peluang perniagaan dalam industry

2. KURSUS ASAS PENTERNAKAN LEMBU PEDAGING

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA : 19/02/2021

TARIKH PERMOHONAN DITUTUP : 21/02/2021

SINOPSIS :

Kursus ini memupuk minat kepada peserta supaya mereka dapat mengusahakan penternakan lembu pedaging secara fidlot atau integrasi dengan sistematik bagi mendapatkan pulangan yang tinggi. Kandungan kursus meliputi pengenalan asas mengenai keperluan infrastruktur asas, baka lembu, pengurusan ternakan, pemakanan dan kesihatan serta kawalan penyakit ternakan lembu pedaging

OBJEKTIF :

1. Memberi pengetahuan dan kemahiran asas di dalam pengurusan ternakan lembu pedaging melalui konsep fidlot dan integrasi
2. Memupuk minat ke dalam diri peserta agar menternak lembu pedaging

3. KURSUS ASAS PENTERNAKAN RUSA

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA : 05/03/2021

TARIKH PERMOHONAN DITUTUP : 07/03/2021

SINOPSIS :

Memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan asas berkaitan penternakan rusa selaras dengan Amalan Penternakan Yang Baik yang disaran oleh Jabatan dan menggalakkan penternak untuk melibatkan diri di dalam industri penternakan ini

OBJEKTIF

1. Memberi pengetahuan asas di dalam pengurusan ternakan rusa
2. Memberi pengetahuan asas tentang kesihatan, penyakit dan amalan penternakan yang baik (GAHP)
3. Menyampaikan ilmu dan pengetahuan asas berkaitan penggunaan sumber-sumber ladang serta menggunakan sisa pertanian secara optima sebagai makanan ternakan untuk mengurangkan kos pengeluaran

4. KURSUS ASAS PENGURUSAN MAKANAN TERNAKAN RUMINAN

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA : 19/03/2021

TARIKH PERMOHONAN DITUTUP : 21/03/2021

SINOPSIS :

Kursus ini akan memberi pengetahuan asas berkaitan keperluan makanan harian ternakan ruminan. Peserta akan didedahkan kepada kepentingan makanan ternakan, jenis-jenis rumput dan proses pembuatan makanan teransum. Penerangan berkaitan ciri-ciri setiap jenis bahan makanan termasuklah nilai nutrient, hasil pengeluaran dan keperluan makanan boleh membantu peserta di dalam merancang keperluan sebenar makanan serta jumlah ternakan yang harus dipelihara.

OBJEKTIF: Diakhir kursus peserta akan dapat:

1. Memahami konsep pemakanan dan pemberian makanan secara asas
2. Mengenalpasti asas bahan makanan yang sesuai untuk ternakan
3. Mengenalpasti asas bahan makanan tambahan dan keperluannya kepada ruminan
4. Mengetahui keadah asas membuat bancuhan makanan teransum

5. KURSUS ASAS PENTERNAKAN AYAM KAMPUNG

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA : 26/03/2021

TARIKH PERMOHONAN DITUTUP : 28/03/2021

SINOPSIS :

Kursus Asas Penternakan Ayam Kampung dianjurkan sebagai pengenalan serta pendedahan kepada orang awam yang berminat untuk mengetahui secara menyeluruh berkenaan penternakan ini. Kursus ini meliputi tajuk-tajuk pengenalan meliputi pengurusan asas ternakan ayam kampung, GAHP, status, cabaran dan isu industri, serta pengenalan kepada Pengurusan Asas Kesihatan dan Kawalan Penyakit Ternakan Ayam Kampung

OBJEKTIF :

1. Memberi pengenalan dan pendedahan terhadap industri ayam kampung;
2. Memberi kefahaman berkaitan keperluan dan pengurusan ternakan; dan
3. Memberi pendedahan terhadap asas kesihatan dan kawalan penyakit Ayam Kampung